

(Untuk Orang Bukan Islam Sahaja)

Ringkasan Persidangan Umum Oktober 2020

Persidangan umum Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir berlaku setiap enam bulan. Persidangan Oktober 2020 (3-4 Oktober 2020) adalah hanya dalam bentuk digital dan disiarkan dari Temple Square di Salt Lake City. Halaman ini mengandungi ringkasan khutbah, berita dan pengumuman utama dari prosiding Oktober 2020.

Panggilan dan Pelepasan Pemimpin Gereja

Semasa sesi petang hari Sabtu pada persidangan umum Oktober 2020, Presiden Henry B. Eyring dari Presidensi Utama mengumumkan panggilan bagi Penguasa Umum Tujuh Puluh yang baharu, ahli baharu dari Lembaga Uskup Utama dan empat Ahli Kawasan Tujuh Puluh yang baharu. Dia juga mengumumkan pelepasan seorang ahli presidensi Lembaga Uskup, tiga Penguasa Umum Tujuh Puluh dan 47 Ahli Kawasan Tujuh Puluh, termasuk Elder Wisit Khanakham untuk Thailand.



Oleh kerana COVID-19, persidangan Oktober 2020 (3-4 Oktober 2020) adalah hanya dalam bentuk digital dan disiarkan dari Theater Pusat Persidangan di Temple Square.

Para Pemimpin Menggalakkan Para Wanita Menjadi Kekuatan Beriman dan Bersatu yang Akan Mengubah Dunia

Setiap ahli Presidensi Utama, bersama Sister Sharon Eubank, Sister Cristina B. Franco, dan Sister Becky Craven, berucap di sesi wanita pada malam hari Sabtu.

Nabi Mengumumkan Enam Bait Suci Baharu

Nabi mengumumkan pada hari Ahad, 4 Oktober 2020, rancangan untuk membina enam bait suci di lokasi berikut:

- Tarawa, Kiribati
- Port Vila, Vanuatu
- Lindon, Utah
- Greater Guatemala City, Guatemala
- São Paulo East, Brazil
- Santa Cruz, Bolivia

Presiden Nelson: Biarkan Tuhan Mengatasi, Mendakap Masa Depan, Hidup 'Normal Baharu'

Dalam pelbagai ucapan pada hujung minggu ini, nabi berbicara tentang maju ke depan, mendakap masa depan dengan iman, melihat masa-masa sukar sebagai peluang untuk berkembang secara rohani dan memilih untuk membiarkan Tuhan menang dalam kehidupan kita.